

KOMUNIKASI DAN PERSEPSI HUBUNGAN ETNIK DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

MONA ALKAUTHAR AHMAD

ABSTRAK

Berasaskan Teori *Contact Hypothesis*, tinjauan ini dijalankan dengan objektif berikut: (1) mengenalpasti persepsi terhadap iklim hubungan etnik dan pola komunikasi merentas etnik dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia, dan (2) mengenalpasti perkaitan antara persepsi terhadap iklim hubungan etnik dengan kekerapan berinteraksi merentas etnik. Teori *Contact Hypothesis* menyarankan faktor persekitaran komunikasi (dalam kajian ini persepsi terhadap iklim hubungan etnik) merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi komunikasi merentas etnik. Namun, bukti empirikal tempatan tentang perkaitan ini adalah kurang. Seramai 360 pelajar dari tiga kolej kediaman di Universiti Putra Malaysia telah terlibat dalam kajian ini. Data kajian dikumpulkan menggunakan borang soalselidik tadbir sendiri. Dapatan kajian menunjukkan secara relatifnya majoriti responden sama ada etnik Melayu, Cina dan India mempersepsikan positif tentang iklim hubungan etnik di negara ini dan di kampus di universiti yang dikaji. Sungguhpun demikian, majoriti tidak terlibat secara meluas dan mendalam dalam interaksi merentas etnik di kampus terutamanya responden Melayu. Interaksi mereka kebanyakannya berkisar sekitar hal akademik. Kekerapan interaksi merentas etnik didapati mempunyai perkaitan positif yang signifikan dengan persepsi terhadap iklim hubungan etnik. Mereka yang mempersepsikan iklim hubungan etnik secara positif lebih kerap terlibat dalam interaksi merentas etnik di kampus. Perkaitan positif ini wujud bagi responden Melayu, Cina dan juga India. Perkaitan ini didapati lebih kuat dalam kalangan pelajar wanita berbanding pelajar lelaki. Pihak universiti perlu memastikan persepsi positif terhadap iklim hubungan etnik ini bukan sahaja dikekalkan tetapi dimantapkan kerana ia mempunyai implikasi ke atas sejauhmana pelajar terlibat dalam komunikasi merentas etnik di kampus. Kedua-dua faktor persepsi positif terhadap iklim hubungan etnik dan kekerapan komunikasi merentas etnik yang berkualiti penting dalam kerangka perpaduan dan keharmonian etnik.

Kata Kunci: Komunikasi Merentas Etnik, Iklim Hubungan Etnik, Persekitaran Komunikasi, Etnik Melayu, Cina dan India.

ABSTRACT

Inspired by *Hypothesis Contact Theory*, this survey was carried out with the following objectives: (1) to determine perception towards ethnic relations climate and interracial communication patterns among students of Universiti Putra Malaysia, and (2) to determine the relationship between perception towards ethnic relations climate and frequency of interracial communication. The theory proposed the environmental factor (in this study- perception of ethnic relations climate) is

one of the factors that have influence on the extent of interracial communication. Nevertheless, local empirical research supporting the hypothesized relationship is lacking. A total of 360 students of three residential colleges of Universiti Putra Malaysia participated in the study. The data was collected through self-administered questionnaires. Results of the survey revealed that majority of the respondents, all the three ethnics – Malay, Chinese and Indian had positive perception towards ethnic relations climate within the campus, and in the country. However, majority of the respondents did not have extensive and in-depth interracial interaction particularly among the Malay students. Interracial interactions were largely confined to academic matters. Frequency of interracial interaction is significantly related with perception towards ethnic relations climate. Those who perceived more positively of the ethnic relations climate are more likely to frequently engage in interracial interaction. Such relationship holds for the Malay, Chinese and Indian respondents respectively. The relationship was observed to be stronger for female than male respondents. The university must ensure that positive perception towards ethnic relation climate is sustained and further enhanced because it has implication on the extent to which student participate in interracial interaction. Both factors, the positive perception towards ethnic relations climate and frequent interracial interaction are important and relevant in the ethnic integration and harmony framework.

Keywords: *Interracial Communication, Ethnic Relation Climate, Enviromental, Malay, Chinese and India*

PENGENALAN

Iklim hubungan etnik di kampus dalam konteks kajian ini merujuk kepada suasana hubungan etnik yang dipersepsi dan dialami oleh pelajar di kampus. Kajian lepas terutama yang telah dijalankan di negara barat mendapati amalan komunikasi antara etnik dalam kalangan pelajar dipengaruhi oleh tanggapan mereka terhadap iklim hubungan etnik yang terbina di kampus mereka (Dawi A. H, 2006). Manakala komunikasi merentas etnik dalam kalangan pelajar pula menyumbang kepada pembangunan kognitif dan sosial pelajar (Griffiths & Nesdale, 2006).

Latar Belakang

Malaysia dikenali dengan keunikan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa dan agama. Dalam konteks kepelbagaian etnik di negara ini, setiap rakyat berperanan mewujudkan iklim hubungan etnik yang positif bagi maksud keharmonian etnik dan integrasi nasional. Ini kerana, sejarah telah membuktikan bahawa peristiwa rusuhan etnik yang berlaku pada 13 Mei 1969 memberi impak negatif ke atas kestabilan hubungan etnik, politik dan ekonomi negara. Rentetan peristiwa tersebut telah membawa kepada penubuhan MAGERAN pada 17 Mei 1969, yang berfungsi sebagai pengembali keamanan dan undang-undang negara bagi menentukan pentadbiran yang licin dan sempurna serta mengembalikan keharmonian dan kepercayaan antara etnik (Hasnah Hussin, 2007). Peristiwa sejarah 13 Mei 1969, menunjukkan kemampuan perpaduan etnik di negara ini sungguhpun

kerajaan telah menggubal dasar dan program ke arah membina dan meningkatkan perpaduan dan keharmonian etnik.

Penduduk yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama telah dipolarisasikan mengikut kawasan penempatan, pekerjaan, pendidikan dan juga politik keetnikan (Kasim Tukiman, 2002). Jelas sekali penjajahan telah merubah sistem sosial yang menyebabkan kemajmukan masyarakat dipisah-pisahkan dan menimbulkan pelbagai cabaran dan isu dari dulu sehingga kini. Oleh sebab itu, insiden salah faham, ketegangan dan konflik etnik sering digambarkan di Malaysia (Mohd Nor et al. 2006). Maka itu banyak pihak terutamanya kerajaan perlu mengambil usaha mengeratkan hubungan antara etnik, dan perasaan keharmonian ini perlu diwujudkan dalam diri setiap individu dari mula lagi terutamanya dalam kalangan pelajar di sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Ini adalah kerana sekolah dan institusi pengajian tinggi adalah microcosm kepada masyarakat yang lebih besar.

Hubungan Etnik dan Pendidikan

Pendidikan merupakan teras kepada perpaduan negara yang mampan dan teguh. Dalam konteks pembinaan perpaduan etnik menerusi strategi pendidikan, falsafah pendidikan negara ini adalah untuk menghasilkan rakyat yang progresif, mahir serta cekap supaya membolehkannya berupaya melaksanakan tugas secara produktif serta sempurna bersama mereka yang berlainan etnik dan agama. Matlamat ini dapat dicapai dengan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Matlamat pendidikan Malaysia bermula dengan Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) yang menjadi asas kepada pembentukan sistem dan Dasar Pelajaran Kebangsaan seperti termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Ketiga-tiga dokumen ini menegaskan perpaduan sebagai matlamat utama negara. Di peringkat pengajian tinggi, pelajar berkesempatan untuk terlibat dalam komunikasi merentas etnik. Ini adalah kerana kepelbagaian masyarakat pelajar di universiti. Kefahaman, sensitiviti dan sikap positif dalam menjalinkan perpaduan antara etnik akan hanya dapat direalisasikan dengan penglibatan pelajar dalam komunikasi merentas etnik secara kerap dan bermakna (Mohd Nor et al. 2005). Di kampuslah pelajar belajar hidup bermasyarakat dengan mereka yang berlainan latarbelakang budaya, membina kefahaman dan sensitiviti budaya sebagai persediaan untuk mereka berfungsi dalam masyarakat yang semakin maju dan pelbagai setelah bergraduasi nanti. Kefahaman, sensitiviti dan sikap positif dalam menjalinkan perpaduan etnik akan hanya dapat direalisasikan dengan pelajar melibatkan diri dalam komunikasi merentas etnik secara kerap dan bermakna (Mohd Nor et al. 2006).

Komunikasi Merentas Etnik

Komunikasi adalah dinamik yang terus berlangsung dan selalu berubah-ubah. Komunikasi juga adalah berbentuk interaktif. Dalam proses komunikasi, sumber dan penerima saling mempengaruhi dengan mengenkod dan mendekod mesej verbal dan bukan verbal. Komunikasi berlaku dalam konteks fizikal dan sosial. Konteks

fizikal terdiri daripada keselesaan dan kenyamanan tempat di mana komunikasi itu berlaku. Konteks sosial pula ialah hubungan sosial antara sumber dengan penerima seperti yang dipersepsi dan alami oleh komunikator. Apa yang dipersepsikan dan dialami oleh komunikator juga dipengaruhi oleh faktor budaya termasuk identiti komunikator seperti nasionaliti, etnik, agama dan sebagainya.

Komunikasi merentas etnik berlaku apabila seseorang itu berinteraksi dengan orang yang berbeza etnik tanpa mengira di mana komunikasi tersebut berlaku. Etnik di Malaysia berkait rapat dengan identiti agama. Rata-rata kesemua orang Melayu beragama Islam, majoriti orang Cina beragama Buddha, sementara majoriti orang India beragama Hindu. Penganut Kristian terdapat dalam kalangan sebahagian orang Cina. Pertindanan antara etnik dan identiti agama bermakna, nilai budaya dan nilai agama mempengaruhi komunikasi antara etnik.

Kajian lepas terutamanya di barat mendapati batasan identiti budaya yang tebal Chang, Astin, & Kim (2004), Milem et al. (2005), dan Arellano, Eduardo Casillas, Mónica F. Torres, and Kathryn Valentine (2008), merupakan halangan atau kekangan kepada komunikasi antara etnik dan kesukaran menembusi batasan identiti budaya ini membawa kepada keterbatasan ruang dan peluang berinteraksi merentas identiti budaya (Tamam, 2009; Tamam, Idris, & Tien, 2011). Keterbatasan ini perlu diatasi kerana penemuan kajian lepas jelas menunjukkan pentingnya kontak dan interaksi komunikasi merentas identiti budaya yang positif. Ini adalah kerana ia dapat mencorakkan atau mengubah kualiti hubungan etnik. Kim (2005), antaranya, menyimpulkan bahawa komunikasi dan pergaulan merentas etnik dan pergaulan dapat mempengaruhi kualiti hubungan etnik. Pendapat Kim (2005), ini selari dengan idea asas teori Contact Hypothesis yang dikemukakan oleh Gordon W. Allport (Allpot, 1954). Teori Contact Hypothesis ini digunakan dalam kajian ini sebagai kerangka teoritikal untuk mengkaji iklim hubungan etnik yang dipersepsikan oleh pelajar institusi pengajian tinggi dan komunikasi merentas etnik dalam kalangan pelajar.

Pihak kerajaan Malaysia telah mewajibkan semua pelajar ijazah pertama institusi pengajian tinggi awam dan swasta mengambil matapelajaran Kenegaraan Malaysia atau Pengajian Malaysia dan Hubungan Etnik. Ini merupakan inisiatif dan mekanisme meningkatkan pengetahuan dan kefahaman antara budaya agar pelajar yang terdiri dari pelbagai etnik mempunyai sikap dan pandangan yang positif terhadap etnik lain dan secara tidak langsung bersedia dan berminat bersosialisasi merentas etnik. Pelajar universiti awam mahupun universiti swasta seharusnya menyambut baik usaha kerajaan mewajibkan matapelajaran ini dengan memahami matlamatnya adalah untuk kebaikan semua pelajar di negara ini. Dalam hal ini pelajar-pelajar adalah diingatkan bahawa matapelajaran Hubungan Etnik dan Kenegaraan Malaysia, bukan sahaja bertujuan untuk menambah pengetahuan dan lulus peperiksaan, tetapi ia wajar dipelajari dalam kerangka fikiran positif dengan kesedaran kepentingan soal perpaduan negara. Sementara itu, universiti juga sahaja menyediakan ruang dan peluang untuk pelajar mengadakan interaksi merentas etnik

sama ada di dalam kelas mahupun diluar kelas. Usaha institusi pendidikan negara sepatutnya dapat menghasilkan persepsi iklim hubungan antara etnik yang positif dalam kampus dalam kalangan pelajar dan meningkatkan kekerapan komunikasi merentas etnik dalam kalangan pelajar kampus.

PERNYATAAN MASALAH

Pelajar Institusi Pengajian Tinggi merupakan generasi dan pewaris kepada pemimpin negara serta pencorak pemikiran masyarakat akan datang. Pengalaman pembelajaran dari kepelbagaian (diversity learning experiences), menerusi komunikasi antara etnik didapati mempunyai perkaitan dengan hubungan antara etnik (Dovidio, Gaertner, & Kawakami, 2003; Pettigrew & Tropp, 2006; Tamam, 2009; Tamam et al. 2011). Pengalaman dalam kepelbagaian yang ditimba melalui interaksi merentas etnik telah dilaporkan membawa sumbangan positif kepada pembangunan pelajar, seperti kemahiran menyelesaikan masalah (Baharuddin S. A, 2007) serta kefahaman budaya (Mohd Nor, 2005). Topik hubungan etnik dalam kalangan pelajar di Malaysia telah dikaji oleh beberapa penyelidik, antaranya ialah Baki, M.S., (2004). 'Polarisasi Etnik Generasi Muda', Karim & Dawi, (2004) 'Bangsa Malaysia: Suatu Realiti Dalam Masyarakat Yang Berpola', Fadilah Idris et al. (2006), 'Readiness Of Understanding Ethnic Relations Among University Students', Baharuddin (2006) 'Identity Contestations in Malaysia', Tamam, Idris et al. (2006), 'News Media Socialization And Ethnic Tolerance Among Youth In Malaysia, Tamam, Idris & Tien (2012), 'Influence of expectation and campus racial climate on undergraduates interracial interaction'. Pada pandangan Noor, Noraini M, (2009), secara keseluruhannya, berdasarkan hasil kajian mereka dan penemuan kajian penyelidik lain boleh disimpulkan bahawa pelajar lebih mengutamakan perkiraan antara etnik semasa berkomunikasi dalam kehidupan seharian mereka. Namun demikian faktor keperluan bersama dan pragmatik telah membawa kepada penipisan batas-batas etnik.

Rusimah Sayuti et al. (2006) dalam kajian mereka di Universiti Utara Malaysia mendapati tahap keselesaan komunikasi antara etnik berada pada tahap sederhana dan tinggi, dan komunikasi antara etnik juga semakin hari semakin baik. Kajian sebelumnya, Mohd Nor et al. (2009), mendapati pelajar Melayu dan Cina di institusi pengajian tinggi awam lebih cenderung bergaul dan berkongsi bilik dengan etnik etnik masing-masing. Pelajar dari etnik India dan Bumiputera minoriti lebih bersedia untuk berkongsi bilik berbanding dengan etnik etnik Melayu dan Cina. Di institusi pengajian tinggi swasta pula pelajar India dan Cina lebih berminat untuk berkongsi bilik dengan etnik lain.

Berdasarkan perbincangan di atas dan jurang literatur tempatan, kajian ini mengajukan persoalan tentang persepsi pelajar Universiti Putra Malaysia terhadap iklim hubungan etnik secara umum dan pola komunikasi merentas etnik di kampus dengan lebih khusus. Analisis kepada persoalan ini juga dibuat mengikut etnik.


OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan objektif umum untuk meneliti persepsi terhadap iklim hubungan etnik dan komunikasi merentas etnik di kampus dalam kalangan pelajar ijazah pertama Universiti Putra Malaysia. Secara khususnya, kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti persepsi pelajar prasiswazah Melayu, Cina dan India di Universiti Putra Malaysia terhadap iklim hubungan etnik,
2. Mengenal pasti pola komunikasi merentas etnik pelajar prasiswazah Melayu, Cina dan India di Universiti Putra Malaysia, dan
3. Menentukan perkaitan antara persepsi dengan kekerapan komunikasi merentas etnik terhadap iklim hubungan etnik.

Kerangka konsep kajian

Kerangka konseptual pada rajah 1 di bawah adalah gambaran secara menyeluruh mengenai aspek-aspek yang dikaji di dalam kajian ini.



KEPENTINGAN KAJIAN

Dari sudut teoritikal, penemuan kajian akan menjelaskan tentang perkaitan antara komunikasi antara etnik dan iklim hubungan etnik. Kepentingan kajian juga diujah dari sudut sumbangan praktis. Di samping itu juga penemuan kajian dapat meningkatkan kefahaman tentang dinamika iklim hubungan etnik dan komunikasi antara etnik dan ini seterusnya meningkatkan sedaran tentang peranan persepsi iklim hubungan etnik ke atas komunikasi antara etnik.

Kesimpulannya, hasil kajian bukan sahaja memberikan maklumat deskriptif terkini tetapi bukti empirikal tentang perkaitan persepsi terhadap hubungan etnik di kampus dengan kekerapan komuniaksi merentas etnik, dan dengan ini memperkayakan literatur dalam topik ini. Disamping itu, kajian ini mempunyai sumbangan praktikal dalam perencanaan polisi dan program berkaitan dengan komunikasi antara etnik dan hubungan etnik di institusi pengajian tinggi negara.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian berbentuk ‘cross-sectional survey’, yang melibat hanya sebuah universiti awam. Responden kajian pula terdiri daripada pelajar prasiswazah di universiti yang dikaji. Oleh itu generalisasi penemuan kajian tentang persepsi terhadap iklim hubungan etnik dan kekerapan komunikasi antara etnik adalah terbatas dan perlu ambil secara berhati-hati. Penemuan kajian hanya boleh digeneralisasi kepada universiti yang dikaji, dan mungkin tidak menggambarkan keadaan di universiti lain. Oleh kerana kajian ini bersifat ‘cross-sectional study’ dengan tujuan mengenal pasti perkaitan antara komunikasi antara etnik dengan persepsi iklim hubungan etnik, maka perkaitan sebab akibat (causal relationship), antara komuniaksi antara etnik dengan persepsi iklim hubungan etnik tidak boleh dibuat. Satu lagi limitasi kajian ini ialah kajian ini semata bergantung kepada laporan sendiri (self-report measure). Kajian yang menggunakan laporan sendiri mempunyai kelemahan kerana ada unsur ‘social desirability bias’ dalam kajian. Responden mengemukakan respon yang sangat baik sahaja atau menyembunyikan maklumat atau pendapat negatif kerana ingin kelihatan baik atau apa yang dianggap ‘socially desirable’.

SOROTAN LITERATUR

Hubungan Etnik dan Peranan Komunikasi Merentas Etnik

Pembentukan hubungan etnik di Malaysia adalah bergantung pada perpaduan etnik yang terjalin antara pelbagai etnik di Malaysia. Kedua-duanya rumit kerana melibatkan banyak faktor yang boleh saling menyingkirkan dan juga melengkapkan, oleh itu memerlukan masa yang panjang, pengorbanan yang besar, dan kerjasama yang padu daripada semua kelompok etnik. Proses ini bermula dengan Laporan Razak (1956), yang mengutamakan perpaduan negara dalam pendidikan, dan boleh dianggap menjadi teras pembangunan intelektual manusia untuk selanjutnya mengeksploitasi sumber-sumber pembangunan yang lain. Sehubungan itu sistem pendidikan negara telah dirancang untuk melahirkan rakyat untuk kepentingan negara.

Hubungan etnik yang wujud di negara ini adalah berteras kepada perpaduan etnik dalam masyarakat yang berbilang etnik menerusi kerjasama dan perkongsian dalam kuasa politik dan ekonomi. Ia sangat penting untuk dipertahankan demi kesejahteraan hidup setiap individu. Pemimpin negara sejak dari Malaysia mencapai kemerdekaan sehingga kini begitu beriltizam ke arah mewujudkan sebuah negara

yang hamoni, mempunyai semangat perpaduan yang mantap dan ikatan integrasi yang erat antara etnik dan wilayah. Menurut Nor, WA Wan Mohd, S. Abdul Gapor, MZ Abu Bakar, and Zainon Harun (2011), perpaduan dalam kalangan anggota masyarakat merupakan satu konsep yang bersifat abstrak dan elusif kerana ia amat sensitif kepada perubahan-perubahan seperti transformasi nilai, norma persekitaran dan kepentingan.

Iklm Komunikasi Antara Etnik

Iklm komunikasi cuba digambarkan oleh beberapa orang sarjana seperti keadaan cuaca yang dapat mempengaruhi keselesaan atau kerimasan manusia. Iklm komunikasi wujud dalam hubungan antara peribadi dan juga dalam organisasi. Tompkins, Phillip K., and George Cheney, (1985), menggambarkan iklm komunikasi boleh bersifat menyokong, terbuka dan persahabatan. Iklm komunikasi juga boleh berupa defensif dan tertutup. Adler (1983), menggambarkan iklm boleh dijelaskan melalui ciri-ciri seperti positif atau negatif, terbuka atau tertutup berkesan atau sebaliknya.

Komunikasi Antara Budaya

Budaya adalah konsep yang luas dan kompleks. Identiti budaya boleh merujuk kepada etnik, etnisiti, agama, kelas sosial dan sebagainya. Oleh kerana etnik adalah salah satu parameter budaya, maka komunikasi antara etnik juga adalah komunikasi antara budaya. Komunikasi antara budaya wujud apabila mesej yang dilahirkan oleh anggota suatu kumpulan budaya diterima oleh anggota dari kumpulan budaya yang lain (Porter & Samovar, 1988). Menurut Cornett-DeVito, Myrna M., & Kenna J. Reeves(1999), komunikasi antara budaya merujuk kepada komunikasi antara seseorang yang mempunyai nilai atau cara berkelakuan (termasuk gaya komunikasi) yang berbeza. Komunikasi antara budaya boleh dibahagikan kepada dua iaitu budaya makro dan budaya mikro. Komunikasi antara budaya yang bersifat makro ialah komunikasi yang melibatkan komunikasi antara manusia berbeza nasionaliti (Tate, 1997, Delgado, Richard, and Jean Stefancic ,(2000), Baharuddin, 2006). Istilah komunikasi merentas budaya biasa digunakan untuk komunikasi yang melibatkan komunikator yang berlainan nasionaliti. Komunikasi antara budaya yang bersifat mikro pula ialah komunikasi dalam sesebuah masyarakat atau negara yang mempunyai ciri-ciri budaya yang berlainan seperti ras, gender atau status ekonomi. Istilah ‘co-cultural communication’, biasa digunakan untuk komunikasi yang melibatkan komunikator yang berlainan latar belakang budaya tetapi mempunyai nasionaliti yang sama (Baharuddin S. A, 2006). ‘Co-cultural communication’ adalah istilah yang umum. Dalam kajian ini, untuk lebih tepat menggambarkan konteks komunikasi antara budaya, istilah komunikasi antara etnik digunakan untuk merujuk kepada komunikasi yang melibatkan komunikator yang berlainan etnik.

Faktor Penyumbang Masalah Hubungan Etnik

Kamaruddin (2009), seorang tokoh pendidikan, menyatakan pengaruh yang sangat mudah meresapi jiwa seseorang individu adalah media massa seperti televisyen, radio dan surat khabar. Elemen ini sepatutnya memainkan yang besar dalam

menyatupadukan rakyat yang berbagai etnik di negara ini. Didapati setiap etnik lebih suka kepada rancangan atau program televisyen dan radio yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Begitu juga dengan akhbar-akhbar yang dijual, permintaannya juga mengikut komposisi penduduk di mana setiap etnik cenderung memilih versi bahasa ibunda.

Cabaran Hubungan Etnik

Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk sudah tentu tidak dapat mengelak daripada isu dan cabaran hubungan etnik. Cabaran hubungan etnik di negara ini boleh dibahagikan dengan berasaskan kepada tiga faktor penting iaitu (1) cabaran sosial, ekonomi dan politik kepentingan antara etnik, (2) cabaran nilai budaya dan agama, dan (3) cabaran globalisasi.

Cabaran sosial berdasarkan sistem pendidikan yang berasingan membawa kepada setiap etnik mempunyai sistem pendidikan tersendiri. Pelajar Melayu belajar di Sekolah Kebangsaan dan menggunakan Bahasa Melayu. Etnik India pula belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan dan menggunakan bahasa Tamil. Manakala bagi pelajar daripada etnik Cina, mereka belajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Cabaran daripada segi ekonomi berkait dengan jurang yang luas daripada segi penguasaan ekonomi. Kebanyakan etnik Melayu menguasai sektor berteknologi rendah. Etnik Cina umumnya menguasai sektor yang lebih maju seperti perniagaan dan perdagangan dan berteknologi moden. Maka itu wujud jurang pendapatan yang ketara dan ketidakseimbangan pendapatan turut berlaku. Cabaran nilai budaya antara etnik pula menyentuh perbezaan daripada segi agama, bahasa dan kebudayaan. Etnik Melayu, Cina dan India mempunyai agama, bahasa dan kebudayaan masing-masing. Perbezaan ini bertambah sukar apabila setiap etnik terus menebal dengan bahasa dan kebudayaan mereka sendiri.

TEORI KAJIAN

Dalam kajian yang dilaksanakan ini, pengkaji menggunakan teori yang dikemukakan oleh Allport (1954) iaitu 'Contact Theory'. Teori ini telah dikemukakan dalam kajian beliau yang bertajuk 'The Nature of Prejudice'. Idea utama teori ini adalah berdasarkan dan lanjutan kajian terdahulu seperti kajian Zelig & Hendrickson (1933). Rumusan umum ketiga-tiga kajian ini ialah untuk sesebuah masyarakat majmuk itu maju perlu ada pemahaman antara etnik supaya mereka dapat berkongsi pengalaman masing-masing dan dengan itu dapat memanfaatkan peluang pembelajaran daripada kepelbagaian.

Intipati Contact Theory Allport (1954), ialah kontak dan interaksi antara etnik yang kerap dapat mengurangkan prejudis. Ini dicapai menerusi kefahaman yang diperoleh dan dibina daripada komunikasi yang diusahakan. Namun, Allport (1954), menegaskan kesan positif kontak dan interaksi hanya dapat direalisasikan sekiranya kontak dan komunikasi berlaku dalam suasana "kesamaan" atau "keadilan."

Melalui beberapa kajian lepas yang telah dijalankan berdasarkan teori Allport (1954), iaitu “Future directions for intergroup contact theory and research”, Pettigrew, Thomas F (2008) dan “Cooperative learning: Applying contact theory in desegregated schools.” Slavin, Robert E. (1985), menunjukkan bahawa interaksi pelbagai etnik membawa kepada keberhasilan yang positif, tetapi masih bergantung kepada keadaan yang sesuai. Teori ini juga memberi pengurangan kepada prasangka keetnikan. Interaksi sesama etnik juga boleh meningkatkan hubungan yang positif dalam kalangan mereka. Dalam erti kata lain, teori ‘Contact Theory’, menjelaskan sekiranya hasil positif daripada interaksi antara etnik, keadaan persekitaran yang meningkatkan kualiti hubungan antara etnik.

Dalam tesis ini, fokusnya adalah kepada kontak dan interaksi merentas etnik dalam kalangan pelajar universiti. Oleh kerana, ‘Contact Theory’ berhubungkait dengan kontak dan interaksi merentas sempadan budaya identiti, maka teori ini adalah relevan dan sesuai untuk dijadikan asas hujah teoretikal dalam meneliti komunikasi antara etnik dan iklim hubungan antara etnik, dan hubungkait dua pembolehubah ini.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soalselidik. Lokasi kajian adalah di sekitar kampus Universiti Putra Malaysia, Serdang dengan melibatkan 360 responden yang terdiri daripada pelajar prasiswazah yang tinggal di kampus. Untuk kajian ini, borang soalselidik digunakan dan soalan yang dikemukakan adalah berbentuk tertutup, dan senang difahami kerana penyelidik menggunakan ayat yang mudah dan ringkas. Kesemua soalan yang dikemukakan perlu dijawab oleh responden. Kajian bagi mengumpulkan data yang diperlukan. Responden kajian telah dipilih secara rawak dan pengumpulan data dijalankan di kolej kediaman pelajar. Data kajian dianalisis secara kuantitatif mengikut objektif kajian dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis Khi Kuasa Dua, korelasi dan analisis varian digunakan untuk melihat perkaitan antara pembolehubah.

HASIL KAJIAN DAN KESIMPULAN

Persepsi Iklim Hubungan Etnik

Objektif pertama kajian adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap iklim hubungan. Lapan soalan tentang iklim hubungan etnik telah diajukan kepada responden. Dapatan kajian menunjukkan (1) majoriti responden berpersepsi keseriusan masalah etnik di negara ini adalah ‘agak serius’ terutama dalam kalangan responden etnik Cina, (64.9%) berbanding responden Melayu (53.9%) dan responden India (50.0%); (2) Majoriti beranggapan positif bahawa isu perbezaan dan hubungan etnik di negara ini dapat diselesaikan dan keseluruhan peratusnya adalah (58.9%) berdasarkan respon yang diberikan ‘akan dapat diselesaikan’ dan peratusan

yang memberi respon 'tidak tahu' adalah 17.2%; (3) hanya majoriti kecil yang menyatakan perasaan keetnikan dengan respon yang paling tinggi adalah responden Melayu (55.8%) berbanding responden Cina (55.2%) dan responden India (41.7%); (4) Majoriti besar berpersepsi iklim hubungan etnik adalah stabil (65.0%) dan responden India adalah paling tinggi peratusannya (75.0%) berbanding responden dari etnik Melayu (63.0) dan Cina (61.9%); (5) majoriti besar mempersepsikan universiti telah melakukan secukupnya untuk meningkatkan dan memperbaiki hubungan etnik di kampus, terutamanya dalam kalangan responden dari etnik Melayu (66.2%) dan India (70.8%); (6) majoriti menyatakan hanya sebahagian kecil rakan mereka yang sensitif terhadap isu keetnikan, terutamanya dalam kalangan responden Cina (53.7%) berbanding dengan responden Melayu (66.9%) dan responden India (56.9%); (7) majoriti besar responden menyatakan kekerapan mereka mendengar komen tidak sensitif atau menyakitkan hati sesuatu etnik 'jarang-jarang' iaitu responden Melayu (54.5%), Cina (52.5%) dan India (47.2%); (8) majoriti kecil menyatakan kekerapan mereka dilayan berbeza dari etnik 'jarang-jarang/kadang-kadang', dengan peratusan bagi etnik Melayu 18.2% berbanding peratusan bagi etnik Cina (29.1%) dan India (43.1%). Manakala peratus responden yang memberi respon 'kekerap' adalah sangat kecil (kurang dari 7 peratus) dan yang paling kecil ialah 2.6% etnik Melayu dan Cina dan India adalah 6.0% dan 6.9%. Analisis Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan mengikut etnik ($\chi^2 = 39.498, df = 6, p < 0.005$). Secara keseluruhannya, pelajar di universiti yang dikaji mempersepsikan iklim hubungan etnik secara positif. Pandangan ini dikongsi oleh responden dari etnik Melayu, Cina dan India. Walaupun terdapat beberapa persepsi negatif, peratus yang berpersepsi demikian adalah kecil dan tidak membimbangkan.

Pola Komunikasi Hubungan Etnik

Objektif kedua kajian adalah untuk mengenal pasti pola komunikasi merentas etnik dalam kalangan pelajar di kampus universiti yang dikaji. Sepuluh soalan berkaitan komunikasi merentas etnik telah diajukan kepada responden.

Dapatan kajian menunjukkan (1), majoriti kecil menyatakan pendedahan kepada maklumat menerusi interaksi merentas etnik sama ada di dalam atau di luar kelas yang dapat meningkatkan kefahaman tentang kepelbagaian budaya adalah tidak banyak dan analisis taburan silang Khi Kuasa Dua menunjukkan tiada perbezaan signifikan ($\chi^2 = 2.495, df = 2, p > 0.05$); (2) majoriti responden menyatakan pendedahan kepada kursus yang menyentuh subjek kepelbagaian budaya dan peluang berinteraksi merentas budaya ketika mengikuti kursus tersebut mempunyai impak terhadap pandangan mereka tentang kepelbagaian etnik dan hubungan etnik; (3) majoriti menyatakan mereka mempunyai 'banyak/sangat banyak' peluang berinteraksi dengan pelajar berlainan etnik di kampus terutamanya dalam kalangan responden pelajar India (33.3%) berbanding responden dari etnik Melayu (25.3%) dan Cina (14.2%); (4) majoriti mengakui kepentingan bersosial dengan pelajar berlainan etnik di dalam kampus; (5) majoriti berminat bersosial dengan pelajar berlainan etnik di kampus; (6) lebih ramai responden dari etnik India (62.5%) menyatakan

mereka berinteraksi merentas etnik ketika di kampus “on daily basis” berbanding responden pelajar Cina (46.3%) dan Melayu (37.7%); (7) lebih ramai responden India (56.9%) menyatakan mereka bersosialisasi merentas etnik ketika di kampus “on daily basis” berbanding responden pelajar Cina (35.8%) dan Melayu (16.9%); (8) majoriti menyatakan ‘urusan akademik’, alasan utama mereka terlibat dalam komunikasi merentas etnik dengan pelajar etnik lain, dan diikuti dengan ‘hanya perbualan kecil’, analisis taburan silang Khi Kuasa Dua juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan dalam alasan utama untuk berinteraksi merentas etnik mengikut etnik ($\chi^2 = 12.243, df = 8, p > 0.05$); (9) majoriti menyatakan kualiti interaksi dengan rakan yang berlainan etnik di kampus ‘tidak mendalam’ terutamanya responden dari etnik Cina (32.1%) dan Melayu (27.3%); dan (10) hanya majoriti kecil yang menyatakan keselesaan berinteraksi dengan pelajar berlainan etnik dan analisis taburan silang Khi Kuasa Dua menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan mengikut etnik ($\chi^2 = 37.693, df = 8, p < 0.05$).

Setelah meneliti persepsi iklim hubungan etnik dan pola komunikasi merentas etnik, kajian ini juga telah menjalani analisis inferensi varian ANOVA sehalu iaitu bagi menentukan perkaitan yang berlaku antara persepsi iklim hubungan etnik dengan komunikasi merentas etnik di kampus dalam kalangan pelajar dari etnik Melayu, Cina dan India. Hasil kajian ini dipamerkan dalam jadual 1. Dapatan kajian ini telah menunjukkan keseluruhannya nilai min bagi persepsi iklim hubungan etnik bagi etnik Cina (15.23^b) berbanding dengan dari etnik Melayu (14.66^a) dan India (14.95^a) dan nilai $F = 4.220, p > 0.05$. nilai yang tidak signifikan menunjukkan tahap skor min yang tinggi etnik Cina persepsi yang positif yang tinggi dalam kalangan etnik. Manakala dari segi kekerapan komunikasi pula, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa keseluruhannya etnik India lebih kerap berinteraksi dengan etnik yang berlainan berbanding dengan etnik Melayu dan Cina. Nilai min Kekerapan komunikasi merentas etnik bagi etnik India (10.25^b), Cina (9.54^b) dan Melayu (8.57^a), nilai $F = 13.223, p < 0.00$ Nilai alpha bagi persepsi iklim hubungan etnik adalah 0.89, dan nilai alpha bagi kekerapan komunikasi merentas etnik adalah 0.82, dan menunjukkan persepsi yang positif dalam kalangan etnik menunjukkan meningkatnya kekerapan interaksi antara etnik dalam berkomunikasi merentas etnik.

Jadual 1: Min dan SD Iklim Hubungan Etnik dan Kekerapan Komunikasi Merentas Etnik

	Etnik			F	p
	Melayu (n=154)	Cina (n=134)	India (n=72)		
Persepsi iklim hubungan etnik	14.66 ^a (1.580)	15.23 ^b (1.746)	14.95 ^a (1.560)	4.220	.15
Kekerapan komunikasi merentas etnik	8.57 ^a (2.370)	9.54 ^b (2.472)	10.25 ^b (2.497)	13.223	.000

Nota: superskrip yang berbeza menunjukkan signifikan $p < .05$; angka dalam kurungan adalah sisihan piawaian.

*nilai $a = 0.89$ (persepsi iklim hubungan etnik)
 $= 0.82$ (kekerapan komunikasi hubungan etnik)

Perkaitan Antara Persepsi Terhadap Iklim Hubungan Etnik Dengan Kekerapan Komunikasi Merentas Etnik

Objektif khusus yang ketiga ialah untuk mengenalpasti perkaitan antara persepsi terhadap iklim hubungan etnik dengan kekerapan komunikasi merentas etnik. Dapatan kajian menunjukkan persepsi terhadap iklim hubungan etnik mempunyai perkaitan positif yang signifikan dengan kekerapan komunikasi merentas etnik ($r = .29, p < .05$).

Jadual 2: Nilai Pekali Korelasi Mengikut Etnik dan Gender antara Persepsi terhadap Iklim Hubungan Etnik dengan Kekerapan Komunikasi

Pembolehubah bebas	(N=360)	Etnik			Gender	
		Melayu (n= 154)	Cina (n= 134)	India (n= 72)	Lelaki (n= 122)	Perempuan (n=238)
Persepsi terhadap iklim hubungan etnik	.29**	.31**	.25**	.17**	.40**	.23**

Nota: ** signifikan pada aras $p < .01$

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan, antara persepsi terhadap iklim hubungan etnik dengan kekerapan komunikasi merentas etnik bagi keseluruhan sampel dan juga mengikut sampel. Bagi analisis keseluruhan sampel, nilai pekali korelasi ialah .29 ($p < .01$). Dapatan perkaitan positif ini bermakna pelajar yang mempersepsikan iklim hubungan etnik secara positif didapati lebih banyak terlibat dalam komunikasi merentas etnik. Dapatan kajian ini konsisten atau selari dengan dapatan kajian lepas yang menyatakan keterlibatan dalam komunikasi berkaitan dengan faktor iklim hubungan etnik yang dipersepsikan (Ibrahim, Rozita, 2007). Peratusan hasil kajian iaitu peluang pelajar berinteraksi dengan pelajar yang berlainan etnik di kampus dengan perkaitan positif ini adalah benar bagi ketiga-tiga etnik yang dikaji, namun kekuatan perkaitan adalah tidak sama kuat (etnik Melayu $r = .31, p < .01$; etnik Cina $r = .25, p < .01$; etnik India $r = .17, p < .01$). Perkaitan didapati lebih kuat bagi etnik Melayu berbanding etnik Cina, manakala paling lemah bagi etnik India. Ini bermakna faktor persepsi iklim hubungan etnik adalah lebih utama bagi etnik Melayu berbanding etnik Cina dan India dalam menentukan tahap keterlibatan mereka dalam komunikasi merentas etnik. Kekuatan perkaitan diantara persepsi terhadap iklim hubungan etnik dengan kekerapan komunikasi merentas etnik juga didapati tidak sama kuat mengikut gender. Perkaitan positif adalah didapati lebih lemah bagi sampel perempuan ($r = .23, p < .01$) berbanding sampel lelaki ($r = .40, p < .01$).

.01). Dapatan ini bermakna pertimbangan faktor persepsi terhadap iklim hubungan etnik adalah lebih utama bagi lelaki berbanding perempuan dalam mempengaruhi tahap keterlibatan mereka dalam komunikasi merentas etnik.

KESIMPULAN

Dapatan kajian telah memberi gambaran tentang persepsi terhadap hubungan etnik dan komunikasi merentas etnik dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia. Kajian ini dapat mengemukakan beberapa kesimpulan seperti berikut.

Pertama, asas untuk pelajar terlibat dalam menjayakan komunikasi merentas etnik di kampus telah sedia ada. Ini kerana mereka, tanpa mengira etnik, mempersepsikan iklim hubungan etnik secara positif keseluruhan dan relatifnya. Dapatan pandangan yang positif tentang iklim hubungan etnik ini signifikan kerana ini bermakna Universiti Putra Malaysia mempunyai suasana yang diperlukan bagi menggalakkan dan menjayakan kontak dan interaksi merentas etnik yang positif. Unsur suasana yang kondusif ini penting kerana, seperti yang disarankan dalam teori Contact Hypothesis, kontak positif yang membawa kepada kesan positif akan hanya berlaku jika suasana komunikasi adalah kondusif. Namun demikian, ini tidak bermakna suasana positif sudah mencukupi ini tidak perlu ditingkatkan lagi. Ruang untuk penambahbaikan ini sentiasa wujud kerana dapatan kajian telah menunjukkan ada sebahagian kecil pelajar berpersepsi agak negatif terhadap beberapa aspek iklim hubungan etnik. Lebih ramai responden pelajar Cina yang mempunyai persepsi agak negatif berbanding responden pelajar Melayu dan India. Kesemua etnik perlu mempersepsikan iklim hubungan etnik secara positif kerana 'disparity' dalam persepsi negatif boleh membawa kepada masalah usaha mengintegrasikan etnik di negara ini.

Kedua, walaupun kesemua etnik pelajar menyatakan bahawa adalah penting untuk mereka berinteraksi dan bersosialisasi merentas etnik, interaksi dan sosialisasi merentas etnik dalam kalangan pelajar masih tidak meluas dan terbatas kepada perkara akademik, terutamanya dalam kalangan etnik Melayu dan Cina. Bukan sahaja tidak ramai pelajar, terutamanya pelajar Melayu dan India kurang berinteraksi dan bersosialisasi merentas etnik 'on daily basis', kualiti interaksi merentas etnik juga kurang memuaskan. Ramai pelajar menyatakan komunikasi mereka dengan pelajar dari etnik lain di kampus sama ada tidak mendalam atau agak bermakna. Ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan bahawa kontak dan interaksi merentas etnik sama ada di dalam atau di luar kelas tidak banyak meningkatkan kefahaman mereka tentang kepelbagaian dan hubungan etnik. Lebih banyak ruang kontak dan interaksi merentas etnik yang positif dan bermakna diperlu diusahakan untuk pelajar.

Ketiga, bagi meningkatkan integrasi etnik di kampus persepsi iklim hubungan etnik dan kekerapan interaksi hubungan etnik perlu ditingkatkan. Pelajar yang mempersepsikan iklim hubungan etnik secara positif didapati lebih kerap

terlibat dalam komunikasi dan sosialisasi merentas etnik. Pertalian positif ini benar bagi pelajar Melayu, Cina dan juga India. Dapatan ini bermakna kekerapan berinteraksi merentas etnik boleh ditingkatkan dengan memperbaiki persepsi pelajar terhadap iklim hubungan etnik, dan kekerapan mereka terlibat dalam komunikasi merentas etnik meningkat persepsi positif terhadap iklim hubungan etnik. Isu polarisasi di kampus dapat ditangani dengan usaha meningkatkan persepsi positif terhadap iklim.

Keempat, dapatan kajian menyokong premis teori Contact Hypothesis dan mengembangkan teori ini pada situasi masyarakat majmuk di negara ini. Sumbangan teoretikal dapatan kajian ini adalah aspek ini dapat menyokong dengan memperluaskan generalisasi premis teori Contact Hypothesis dalam konteks masyarakat Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah Taib. 1984. *Integrasi dan Populasi Mahasiswa Universiti di Malaysia*. Bangi: Laporan Teknikal, Biro Perundingan Dan Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Adler, N. J. 1983. A Typology of Management Studies- Involving Culture. *Journal of International Business Studies*, Vol 2, 29-47.
- Allport, G. W. 1954. *The Nature Prejudice*. Reading MA: Addison Wesley.
- Ancis, J. R., Sedlacek, W. E., & Mohr, J. J. 2000. Student Perceptions of Campus Climate by Race. *Journal of Counselling and Development*, 78 (2), 180-185.
- Arellano, Eduardo Casillas, Mónica F. Torres, and Kathryn Valentine. "Interactional diversity in border colleges: Perceptions of undergraduate students." *Journal of Hispanic Higher Education* (2008).
- Baki, M. S. 2004. *Polarisasi Kaum Generasi Muda Serius*. Retrieved on September 22, 2010, From www.Utusanmalaysia.com/Arkib/22September/2004/Html
- Bahauddin, S. A. 2006. Identity Contestations in Malaysia. In Jayum A. Jawan & Zaid Ahmad (Eds.) *Inter-Ethnic Relations in Malaysia*. Serdang: UPM Press.
- Bahauddin, S. Y. A. H. 2007. Modul Etnik, Kuala Lumpur: Ampang.
- Chang, M. J., Astin, A. W., & Kim, D. 2004. Cross-Racial Interaction Among Undergraduate's: Some Causes and Consequences. *Research in Higher Education*, 45, 527-551.

- Cornett-DeVito, Myrna M., & Kenna J. Reeves. 1999. Preparing Students for Success in a Multicultural World: Faculty Advisement and Intercultural Communication.” *NACADA Journal* 19, no. 1: 35-44.
- Dawi, A. H. 2004. Hubungan Etnik di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Etnografi Habitus dan Modal Budaya di Kalangan Pelajar Berlainan Etnik. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dawi, A. H. 2006. Interaksi Antara Etnik di Malaysia: Rangka Perpaduan Dalam Masyarakat Berpolu. In *Readings on Ethnic Relations in Multicultural Society*, Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia.
- Dovidio, J. F., Gaertner, S. L., & Kawakami, K. 2003. Intergroup Contact: The Past, Present, Future. *Group processes & Intergroup Relations*, 6(1), 5-21.
- Ezhar Tamam el at. 2006. News Media Socialization and Ethnic Tolerance Among Youth in Malaysia. Paper Presented At 15th AMIC Annual Conference Organized By The Asian Media Information And Communication Centre, 17-20 July 2006, Penang, Malaysia.
- Ezhar Tamam el at. 2011. Interracial Communication and Perceptions of the Compatibility of Different Races Among Malay and Non-Malay Students in a Public University in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15, 703-707.
- Ezhar Tamam el at. 2012. Influence of Expectation and Campus Racial Climate on Undergraduates' Interracial Interaction. *Journal Asia Pacific Journal Of Education*, 33 (3), 295-309.
- Fazilah, Idris . et al. 2006. *Readiness of Understanding Ethnic Relations Among University Students*, in *Readings on Ethnic Relations in Multicultural Society*, Serdang: Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia.
- Gurin, P., & Nagda, R. A. 2006. Getting to the What, How and Why to of Diversity on campus, *Educational Researcher* , 35 (1), 20-24.
- Griffiths, J. A. & Nesdale, D. 2006. In-Group and Out-Group Attitudes of Ethnic and Minority Children. *International Journal of Intercultural Relations*, 30 (6), 735-749.
- Hasnah, hussin. 2007. *Pelan Pembangunan Hubungan Etnik di Malaysia*. April-Jun, (Ed) Pemikir, 45, 75-80. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibrahim, Rozita. 2007. Multiculturalism and education in Malaysia.” *Culture and Religion* 8, no. 2: 155-167.

- Kamarudin, Hussin. 2009. *Teks Ucapan Brig. Jen. Dato'Prof. Dr. Kamarudin Hussin Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis Bersempena dengan Majlis Ambang 2010*.
- Kasim Tukiman. 2001. *Menerusuri Sejarah Penempatan Johor, Johor Bharu*, :Yayasan Warisan Johor.
- Karim, F. & Dawi, A.H. 2004. *Bangsa Malaysia: Suatu realiti Dalam Masyarakat ang Berpola. 4th International Malaysian Studies Conference, 3-5 August 2004*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kim, Young Yun. 2005. Inquiry in Intercultural and Development Communication. *Human Communication Research*, 554-576.
- Kim, Young Yun, and William B. Gudykunst. 1988. *Theories In Intercultural Communication*. Vol. 12. Sage Publications, Inc., 2111 West Hillcrest Dr., Newbury Park, CA 91320; Speech Communication Association, 5105 Backlick Rd., Building E, Annandale, VA 2.
- Laporan Rahman Talib, 1960, Laporan Rahman Talib, 1960, (Report of Education Committee, 1960. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Laporan Razak, 1956, Laporan Razak. 1956. (Report of Education Committee, 1956). Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Milem, J., Chang, M., & Antonio, A. 2005. *Making Diversity work on Campus: A Research Based Perspective*. Washington, DC: Association of American Colleges and Universities.
- Noor, Noraini M. 2009. The future of Malay–Chinese relations in Malaysia.” In *Peace psychology in Asia*, pp. 161-172. Springer US.
- Nor, WA Wan Mohd, S. Abdul Gapor, MZ Abu Bakar, and Zainon Harun. 2011. *Some Socio-Demographic Determinants of Political Participation*. In Proc. Int. Conf. on Humanities, Society, and Culture, pp. 69-73.
- Pettigrew, Thomas F. 2008. Future Directions for Intergroup Contact Theory and Research. *International Journal of Intercultural Relations* 32, no. 3: 187-199.
- Porter, Richard E., and Larry A. Samovar. 1988. *Approaching Intercultural Communication*.” Intercultural communication: A reader 5: 14-30.
- Rusimah el at. 2006. *Kajian Hubungan Kaum Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Pembangunan Sosial*. 1-12, Pusat Penyelidikan Dan Perundingan: Universiti Utara Malaysia. (Tidak Diterbitkan)

- Slavin, Robert E. 1985. *Cooperative Learning: Applying Contact Theory in Desegregated Schools*. Journal of Social Issues 41, no. 3: 45-62.
- Tate, W. E. 1997. *Critical Race Theory and Education: History, Theory and Implications*, in M.W. Apple (ed). Review of Research in Education, 22, Washington DC : AERA, 195-247.
- Tompkins, Phillip K., and George Cheney. 1985. *Communication and Unobtrusive Control in Contemporary Organizations*. Organizational communication: Traditional themes and new directions 13: 179-210.
- Zaharah, Hassan. 2005. *Kepimpinan dalam Masyarakat Berbilang Kaum*. Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society: Promoting National Unity and the Practice of Noble Values 1: 97.
- Zeligs, Rose, and Gordon Hendrickson. 1933. *Racial Attitudes of 200 Sixth Grade Children*. Sociology & Social Research.

Profil Penulis:

Mona AlKauthar Ahmad
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor.
monaa.aahmad@yahoo.com